

Selangor, Pulau Pinang, Sabah pengimport gandum terbesar

PUTRAJAYA - Selangor, Pulau Pinang dan Sabah pengimport gandum terbesar di negara ini pada Mei lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, nilai import gandum belum dikilang ke Malaysia pada bulan itu adalah RM227.5 juta.

“Selangor mencatatkan import tertinggi bagi gandum belum dikilang bernilai RM101.0 juta, diikuti Pulau Pinang (RM74.2 juta) dan Sabah (RM19.0 juta),” maklumnya pada Selasa.

Menurut Mohd Uzir, Malaysia merekodkan jumlah dagangan bernilai RM228.4 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM120.5 bilion (peningkatan 30.5 peratus) dan import bernilai RM107.9 bilion (peningkatan 37.3 peratus).

“Import pada bulan Mei telah meningkat sehingga RM29.3

bilion berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya,” kata Mohd Uzir.

Beliau berkata, peningkatan import di Pulau Pinang adalah RM10.7 bilion, Johor (RM5.2 bilion), Selangor (RM3.8 bilion), Kuala Lumpur (RM3.4 bilion), Kedah (RM1.8 bilion), Negeri Sembilan (RM1.2 bilion), Pahang (RM837.4 juta), Perak (RM739.9 juta), Sarawak (RM573.2 juta), Terengganu (RM258.5 juta) dan Sabah (RM215.4 juta).

Namun, Mohd Uzir memberitahu, import menurun di beberapa negeri melibatkan Melaka iaitu RM137.0 juta, Perlis (RM14.3 juta), Kelantan (RM8.5 juta) dan Labuan (RM1.2 juta).



MOHD UZIR

Katanya, prestasi eksport negeri juga meningkat sebanyak 30.5 peratus iaitu RM28.2 bilion berbanding bulan sama, tahun lalu.

Mohd Uzir berkata lagi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan survei pendapatan, perbelanjaan isi rumah dan kemudahan asas 2022 bermula 1 Januari

sehingga 31 Disember nanti dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) dari 15 April sehingga 30 September 2022.

“DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut,” katanya.



Nilai import gandum belum dikilang ke Malaysia pada bulan itu adalah RM227.5 juta.